



**AGRO  
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
PROGRAM BERNAS PP**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program BERNAS PP?	Program BERNAS PP merupakan program yang menyediakan kemudahan pembiayaan modal kerja kepada Penyedia Perkhidmatan yang dilantik oleh BERNAS bagi menguruskan operasi penanaman dan pengurusan hasil untuk pesawah-pesawah yang membekalkan padi kepada kilang-kilang beras BERNAS.
2.	Siapakah yang layak memohon kemudahan pembiayaan di bawah Program ini?	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Warganegara Malaysia</li> <li>ii. Pemohon berusia diantara 18 tahun (semasa permohonan) dan sehingga 60 tahun (semasa tamat tempoh kemudahan)</li> <li>iii. Perniagaan Penyedia Perkhidmatan hendaklah didaftar atau diperbadankan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> <li>iv. Merupakan Penyedia Perkhidmatan yang didaftarkan dibawah BERNAS</li> <li>v. Hanya melibatkan dikawasan penanaman di jelapang padi berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)</li> <li>b) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)</li> <li>c) Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA): <ul style="list-style-type: none"> <li>• Barat Laut Selangor</li> <li>• Pulau Pinang</li> <li>• Ketara</li> <li>• Seberang Perak</li> </ul> </li> </ol> </li> </ol>
3.	Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Pemohon dinasihatkan untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
4.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan?	<p>Modal Kerja-i (MK-i)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merupakan satu kemudahan pembiayaan modal kerja melalui penggunaan modal pusingan dan berdasarkan kepada prinsip Shariah Tawarruq</li> </ul>
5.	Berapakah jumlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<p>Maksima : RM 500,000</p> <p>Minima : RM 50,000</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tertakluk kepada keluasan sawah yang diusahakan iaitu pada kadar RM3,500 per hektar.</li> <li>• Jumlah agregat keseluruhan pembiayaan dibawah skim ini adalah sehingga RM500,000 sahaja dengan pendedahan kredit dikira secara <i>standalone</i>.</li> </ul>
6.	Dokumen yang diperlukan bagi permohonan pembiayaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Surat lantikan sebagai Penyedia Perkhidmatan dari BERNAS;</li> <li>ii. Surat pengesahan BERNAS untuk butiran jumlah kawasan operasi termasuk bilangan petani dan kawasan operasi atau sebarang permintaan dokumen berkaitan oleh pihak bank dari semasa ke semasa;</li> <li>iii. Penyata Bank enam (6) bulan terkini (dari semua akaun Bank yang aktif dari tarikh permohonan pembiayaan (2 bulan dari tarikh permohonan pembiayaan diterima);</li> <li>iv. Bagi syarikat Sdn Bhd ; dikehendaki mengemukakan akaun yang telah diaudit tidak melebihi 21 bulan dari tarikh permohonan.</li> </ol>



**AGRO  
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
PROGRAM BERNAS PP**

No.	Soalan	Jawapan
7.	Berapakah kadar keuntungan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	Kadar keuntungan yang dikenakan kepada pelanggan untuk kemudahan yang ditawarkan ialah 4% setahun, dikira pada baki bulanan.
8.	Apakah skop pembiayaan di bawah Program ini?	Pembiayaan modal kerja bagi tujuan operasi penanaman padi dan pengurusan hasil yang melibatkan item seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> <li>Pembelian benih padi;</li> <li>Pembelian baja, racun kawalan dan kos kerja-kerja penjagaan sawah;</li> <li>Kos kerja penyediaan sawah bagi penanaman padi yang melibatkan tapak dan penggunaan jentera;</li> <li>Kos yang berkaitan penuaian dan penghantaran hasil kepada Kilang Beras Bernas;</li> <li>Fi pengurusan kepada Penyedia Perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan pengurusan operasi sawah.</li> </ol>
9.	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah Program ini?	Tidak melebihi 60 bulan (5 Tahun)
10.	Adakah fi & lain-lain kos dikenakan kepada pelanggan berhubung kemudahan pembiayaan ini?	Fi dan kos yang melibatkan penyempurnaan suratcara pembiayaan seperti sumbangan takaful kredit dan duti setem adalah ditanggung oleh pelanggan. Bagi tujuan di atas, pelanggan adalah dibenarkan untuk membuat pembayaran melalui wang kemudahan pembiayaan semasa proses pengeluaran wang kemudahan pembiayaan dilaksanakan.
11.	Adakah cagaran diperlukan?	Tiada cagaran yang diperlukan oleh pihak Bank
12.	Bagaimanakah kaedah pembiayaan disalurkan?	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melalui surat serahan hak hasil (Surat Tidak Boleh Batal), bayaran hasil jualan padi hendaklah disalurkan terus kepada Agrobank melalui akaun Escrow Pelanggan (melalui Suratkuasa dari Pelanggan kepada Agrobank);</li> <li>Bagi tujuan pendebitan akaun Escrow untuk pembayaran pembiayaan dan penyaluran hasil bersih (setelah ditolak bayaran pembiayaan) ke akaun <i>Current Account Saving Account (CASA)</i> pelanggan adalah dibawah kuasa <i>Branch Manager</i> atau <i>Relief Branch Manager</i> yang dilantik.</li> </ol>
13.	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut berkenaan dengan program ini?	Pemohon boleh mendapatkan keterangan lanjut melalui medium seperti di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;</li> <li>Layari laman sesawang rasmi Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> ;</li> <li>Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;</li> <li>Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, Twitter.</li> </ul>
14.	Dimanakah saya boleh mendapatkan borang permohonan bagi program ini?	Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan melalui medium seperti di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Layari laman sesawang rasmi Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> ;</li> <li>Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.</li> </ul>



Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U))



**AGRO  
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
PROGRAM BERNAS PP**

No.	Soalan	Jawapan
15.	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	Secara ansuran bulanan melalui mana-mana saluran berikut; <ul style="list-style-type: none"><li>• Mesin Deposit tunai (CDM);</li><li>• (<i>Automated Teller Machine</i> (ATM) atau melalui perbankan internet;</li><li>• Melalui kaunter dimana-mana cawangan Agrobank.</li></ul>

